

# LICONATE TABLET

Lithium Carbonate (300mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Liconate Tablet
2. Bagaimana Liconate Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Liconate Tablet
4. Cara menggunakan Liconate Tablet
5. Semasa menggunakan Liconate Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Liconate Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Liconate Tablet

Lithium Carbonate adalah kandungan aktif Liconate Tablet. Ia diindikasikan untuk profilaksis dan rawatan hipomania (keadaan yang kurang serius daripada mania) atau mania (kegembiraan yang dimanifestasikan oleh hiperaktif mental dan fizikal, tingkah laku yang tidak teratur, dan perangsangan emosi), dalam profilaksis untuk kemurungan manik (penyakit bipolar atau kemurungan bipolar) dan kemurungan berulang (penyakit unipolar atau kemurungan unipolar).

## Bagaimana Liconate Tablet berfungsi

Mekanisme tindakan untuk kesan anti-manik tidak diketahui; ion-ion lithium mungkin bertindak secara bersaing dengan ion-ion natrium pada pelbagai tapak dalam badan.

## Sebelum menggunakan Liconate Tablet

### - Bila tidak boleh menggunakan

- ◆ Jika anda mempunyai penyakit buah pinggang yang teruk, lemah atau dinyahhidratkan dan depleksi natrium.
- ◆ Jika anda mempunyai penyakit kardiovaskular dan hipotiroidisme (sejenis keadaan dimana badan kekurangan hormon tiroid) dan juga penyakit Addison (sejenis penyakit dimana kelenjar adrenal tidak menghasilkan hormon yang mencukupi).

- ◆ Jika anda atau anak-anak anda di bawah umur 12 tahun.
- ◆ Jika anda sedang mengambil ubat diuretik.
- ◆ Jika anda hipersensitif (alergi) terhadap lithium carbonate atau bahan kandungan yang lain.

### - Sebelum menggunakan Liconate Tablet

Anda mesti beritahu doktor anda jika:

- ◆ Anda alergi terhadap mana-mana ubat-ubatan yang diambil sebelum ini sebelum ini untuk merawat keadaan sekarang.
- ◆ Anda hamil, atau sedang merancang untuk hamil atau menyusu. Jangan ambil Liconate Tablet sehingga anda dan doktor anda telah berbincang tentang risiko dan faedah yang terbabit.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herba, pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi. Ubat-ubatan berikut berinteraksi dengan Lithium Carbonate:

- ◆ Agen-agen antihipertensif (enalapril dan methyldopa), agen-agen antimikrobial (metronidazole dan spectinomycin), diuretik (thiazide), NSAID (diclofenac, ibuprofen) – mungkin menyebabkan toksisiti lithium.
- ◆ Ubat yang mengandungi natrium, ubat gastrointestinal (natrium bikarbonate, isphaghula), *xanthines* (theophylline, acetazolamide) – kepekatan darah lithium mungkin dikurangkan.
- ◆ Phenytoin, phenobarbitone, penyekat-penyekat terusan kalsium (Verapamil, diltiazem), neuroleptik-neuroleptik (flupenthixol deconoate, fluphenazine decanoate, haloperidol) – neurotoksisiti mungkin terjadi (seperti kelemahan pada anggota badan dan kekebasan, kehilangan ingatan, penglihatan dan/atau kepintaran, sakit kepala,

masalah kognitif dan tingkah laku serta disfungsi seksual).

- ◆ Perencat-perencat selektif pengambilan semula serotonin (fluoxetine, fluvoxamine) – mempertingkatkan kesan serotonergik (seperti peningkatan kadar denyutan jantung, menggigil, berpeluh dan refleks terlebih respon).

## Cara menggunakan Liconate Tablet

Senantiasa mengambil ubat ini sepertimana yang diberitahu oleh doktor. Anda patut merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

### - Berapa banyak harus digunakan

Rawatan akut mania dan hipomania: 1.5g-2g sehari secara pembahagian dos untuk 5 sampai 7 hari permulaan.

Terapi profilaksis: dos biasa adalah 0.5g-1.2g sehari secara pembahagian dos.

Kanak-kanak: tidak dicadangkan untuk kanak-kanak berumur bawah 12 tahun.

### - Bila perlu digunakan

Ubat ini harus diambil mengikut arahan doktor. Ubat ini harus diambil melalui mulut, dan dinasihati untuk mengambil bersama makanan demi mengurangkan ketidakselesaan perut.

### - Berapa lama perlu digunakan

Terus guna ubat ini sepanjang mana doktor syorkan.

### - Sekiranya anda TERLUPA untuk menggunakan

- ◆ Sekiranya anda terlupa satu dos, ambil dos itu dengan segera sebaik sahaja teringat.
- ◆ Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos berikutnya, abaikan dos yang tertinggal.
- ◆ Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa ambil.

- Sekiranya anda mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda telah mengambil Liconate Tablet dalam dos yang berlebihan, sila dapatkan rawatan dengan secepat mungkin di hospital yang terdekat.

Simptom-simptom terlebih dos termasuklah:

Biasa: loya, muntah dan cirit-birit, diikuti dengan tremor kasar, peningkatan ton otot, ketegaran "cogwheel" (ketegaran otot yang dicirikan oleh sentakan seperti roda bergigi yang berputar apabila otot digerakkan secara pasif), fasikulasi (kedutan otot setempat yang ringan dan terlihat melalui kulit) dan kekakuan mioklonus (sentakan otot atau sekelompok otot secara mendadak, singkat dan tidak terkawal).

Teruk: koma, konvulsi dan kesan kardiak (ritma jantung yang tidak teratur).

**Semasa menggunakan Liconate Tablet**

- Perkara yang perlu dilakukan

- ◆ Hubungi doktor anda sekiranya anda menjadi hamil semasa mengambil Liconate Tablet.
- ◆ Liconate Tablet hendaklah diberi bawah pengawasan perubatan disebabkan margin antara kepekatan terapeutik dan kepekatan toksik adalah sempit.
- ◆ Perhatian rapi perlu diberi sekiranya Liconate Tablet diberikan kepada pesakit warga tua.
- ◆ Anda dinasihati agar menjalani ujian fungsi tiroid secara berkala.
- ◆ Anda dikehendaki untuk mengambil ubat mengikut masa yang ditetapkan setiap hari.
- ◆ Anda tidak boleh menukar sediaan yang berlainan tanpa kawalan khas.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- ◆ Dilarang sama sekali untuk memberi Liconate Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom-simptom yang sama dengan penyakit anda. Doktor anda telah mempreskripsi ubat ini untuk anda sahaja.
- ◆ Jangan berhenti mengambil Liconate Tablet kerana ini akan menjadikan simptom-simptom bertambah teruk kecuali dinasihati oleh doktor anda. Doktor anda

mungkin menginginkan anda mengurangkan kuantiti Liconate Tablet yang anda ambil secara perlahan-lahan sebelum diberhentikan sepenuhnya.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- ◆ Pengambilan air dan garam anda mempengaruhi cara lithium dikeluarkan daripada badan anda. Adalah penting untuk mengekalkan pengambilan air dan garam yang secukupnya:
  - Elakkan daripada pengambilan diet yang rendah garam atau perubahan diet yang lain yang akan mengurangkan pengambilan natrium.
  - Ambil perhatian kepada keadaan yang boleh menyebabkan kehilangan natrium yang berlebihan seperti berpeluh, muntah atau cirit-birit yang boleh menyebabkan dehidrasi.
  - Elakkan daripada mengambil ubat yang mengandungi natrium bersama-sama dengan Liconate Tablet.
- Lithium mungkin menyebabkan pening, mengantuk, koordinasi yang teruk dan halusinasi (lihat, rasa atau dengar benda yang tidak wujud). Berhati-hati semasa memandu atau mengoperasikan mesin sehingga anda faham bagaimana Liconate Tablet mempengaruhi anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubat lain, Liconate Tablet mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua akan mendapatnya.

Kesan-kesan sampingan berikut mungkin berlaku pada kepekatan serum terapeutik lithium:

- Hilang selera makan
- Sembelit atau cirit-birit
- Ketidakselesaan bahagian atas perut
- rasa logam
- sakit kepala
- gayat
- tremor halus
- membuang air kencing lebih banyak daripada biasa dengan rasa haus berlebihan
- edema (pengumpulan bendalir yang berlebihan di dalam atau sekitar tisu badan)

- kelemahan otot
- rasa somnolens dan letih
- hipermagnesiumia (kandungan magnesium yang tinggi dalam darah)
- aritmia kardiak (ritma jantung yang tidak teratur)
- pertambahan keterukan keadaan kulit seperti jerawat dan psoriasis (penyakit kulit kronik yang dicirikan oleh tompok-tompok merah yang diliputi sisik berwarna keperakan)
- leukositosis (keadaan di mana bilangan sel darah putih dalam darah lebih tinggi daripada paras normal).

Penambahan berat badan yang ketara juga mungkin berlaku. Kesan-kesan sampingan jangka panjang termasuklah hipotiroidisme (sejenis keadaan dimana badan kekurangan hormon tiroid), dan/atau goiter, jarang-jarang hipertiroidisme (paras hormon tiroid yang tinggi) serta kognitif dan daya ingatan sedikit terjejas.

Sekiranya anda mengalami mana-mana kesan toksik berikut, sila berhenti mengambil Liconate Tablet dan rujuk kepada doktor anda dengan segera:

- peningkatan cirit-birit
- muntah
- anoreksia (hilang selera makan dan ketidakupayaan untuk makan)
- poliuria (keadaan di mana penghasilan kencing yang tidak normal/berlebihan)
- pertambahan kelemahan otot
- terlalu letih
- ataksia (kekurangan fungsi pada bahagian saraf yang mengawal pergerakan)
- kekurangan koordinasi
- tinitus (bunyi desingan telinga)
- penglihatan kabur
- tremor kasar pada tangan, kaki dan rahang bawah
- hiperirabiliti dan sentakan otot
- hiperefleksia (pergerakan yang terlebih aktif/respon)
- pergerakan koreatetoid (keadaan dimana gabungan pergerakan penguncapan dan pusingan otot yang tidak terkawal)
- disatria (kesukaran dalam penguncapan perkataan)

- disorientasi
- psikosis
- sangat mengantuk
- sawan, koma serta kematian mungkin berlaku.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda rasa was-was atau untuk maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers→Reporting*)

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Liconate Tablet**

#### **- Cara Penyimpanan**

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan dalam bekas tertutup di bawah 30°C. Lindungi daripada kepanasan dan kelembapan.

**Jauhi dari kanak-kanak.**

#### **- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### **- Rupa dan warna produk Liconate Tablet**

Tablet yang berwarna putih, leper, berbentuk bulat, berdiameter 11mm dan bertanda 'MPI'.

Ia dibekalkan dalam pek blister 100x10's.

#### **- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif

Setiap biji Liconate Tablet mengandungi 300mg Lithium Carbonate.

- Bahan bukan aktif

Bahan-bahan kandungan lain termasuklah laktosa, kanji jagung, *sodium starch glycolate*, *povidone k-30*, *magnesium stearate*, *silikon dioksida koloidal*, *sodium lauryl sulphate* dan *isopropyl alcohol*.

**Nombor MAL:** MAL19910006AZ

### **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa, 11900 Bayan Lepas, Penang, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

Risalah dikemaskini pada 20/07/2015

### **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)160715/00211